



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “KEWAJIPAN MEMILIH PERBANKAN ISLAM”

7 Julai 2023 / 18 Zulhijah 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan menyempurnakan setiap perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan, kita memperoleh keberkatan di dunia dan dilimpahi kesejahteraan di akhirat. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “KEWAJIPAN MEMILIH PERBANKAN ISLAM”

Firman Allah SWT, surah al-Baqarah ayat 278 dan 279:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ<sup>٢</sup> وَإِن تُبْتِغُوا فَلََكُمْ رُوُسٌ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Bermaksud; Wahai orang yang beriman! Takutlah kamu kepada Allah dan jauhilah (jangan menuntut lagi) saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang), jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, jika kamu tidak mahu melaksanakannya (perintah mengenai larangan riba), maka ketahuilah adanya peperangan daripada Allah dan Rasul Nya (akibatnya, kamu tidak akan selamat). Namun jika kamu bertaubat (daripada mengambil riba), maka pokok asas harta kamu ialah hak kamu. Dengan itu, kamu tidak menzalimi orang lain dan tidak pula dizalimi.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



## **Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,**

Perbankan Islam bermaksud wang yang diuruskan menurut syariat Islam. Sejarah terawal pengenalan perbankan berlandaskan syariat Islam di Malaysia, bermula pada September 1963 dengan tertubuhnya Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji yang berperanan sebagai badan yang menyimpan dan mengurus wang bakal jemaah haji. Perbadanan ini pada tahun 1969, ditukar menjadi Lembaga Urusan Tabung Haji.

Penubuhan sebuah bank berlandaskan syariat Islam di negara ini, berlaku 40 tahun lalu, pada 1 Julai 1983, apabila Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) ditubuhkan; merupakan bank pertama yang menawarkan kaedah perbankan Islam kepada rakyat Malaysia. Alhamdulillah perbankan Islam mendapat penerimaan yang baik dan terus berkembang. Mulai tahun 1993, bank perdagangan, bank saudagar, dan syarikat kewangan mula dibenarkan untuk menawarkan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Kini, terdapat 26 buah institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Perkembangan ini membuktikan kesungguhan kerajaan dan industri mahu memperkasakan sektor perbankan yang mematuhi syariat Islam yang ketara semakin diterima dan semakin diyakini.

## **Sidang Jumaat Rahimakumullah,**

Mengapakah perbankan Islam wajib menjadi pilihan?

**Pertama:** Perbankan Islam bebas daripada unsur riba.

Ayat 278 dan 279 Surah Al-Baqarah, yang khatib baca pada awal khutbah merupakan perintah Allah SWT untuk para hamba Nya meninggalkan segala amalan riba.

Bank-bank yang menjalankan urusan niaga tidak berlandaskan syariat Islam beroperasi berlandaskan riba. Sedarilah! Mengambil riba ialah salah satu dosa besar yang wajib kita hentikan. Memandang ringan dosa riba, diibaratkan seperti sengaja memilih mahu berperang dengan Allah dan Rasul Nya.

Ingatlah! Harta benda yang kita miliki di dunia, ialah ujian terhadap tahap ketaatan kita kepada Allah SWT dan boleh menjadi asbab kepada kurniaan rahmat dan keberkatan, atau azab dan balasan buruk daripada Illahi.



Oleh itu, menggunakan perbankan Islam bukanlah pilihan, tetapi suatu kewajipan ke atas setiap Muslim yang mukallaf. Nabi SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim;

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤَكَّلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ وَقَالَ هُمْ  
سَوَاءٌ

Bermaksud: Dari Jabir (diriwayatkan bahawa) ia berkata: Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, yang memberikannya, pencatatnya dan saksi-saksinya. Rasulullah SAW mengatakan, “mereka itu sama”.

Terdapat beberapa tanggapan salah terhadap perbankan Islam. Antaranya, dikatakan perbankan Islam tidak lain hanyalah ‘*amalan riba melalui pintu belakang*’ atau sistem yang masih mengamalkan riba tetapi secara tersembunyi. Ketahuilah, semua produk perbankan Islam telah dihalusi dan disaring oleh para ulama’ yang arif dalam bidang tersebut. Mereka berusaha mencari kaedah yang menepati syarak supaya umat Islam terlepas daripada melakukan dosa riba. Para ulama’ muamalat secara bersungguh-sungguh melakukan kajian secara mendalam sebelum memberi perakuan dan jaminan bahawa perbankan Islam mematuhi syariah.

Perbankan Islam turut dikatakan lebih mahal atau kurang memberi pulangan keuntungan berbanding perbankan biasa (perbankan konvensional). Dakwaan demikian sebenarnya, tidak berasaskan pengetahuan keadaan semasa. Pada hakikatnya, kini, perbankan Islam sudah menawarkan kadar keuntungan yang setanding dengan perbankan biasa. Pelanggan boleh menilai dan memilih produk perbankan Islam yang menawarkan kadar terbaik, yang lebih murah dan lebih selamat kerana tiada unsur keuntungan tersembunyi mahu pun riba. Akad perbankan Islam adalah jelas dan tiada unsur *gharar* (tersembunyi).

**Kedua:** Harta merupakan tanggungjawab yang akan dipersoalkan di akhirat. Sabda nabi SAW:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ  
وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ



Bermaksud: tidak akan bergerak kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang umurnya, ke mana dihabiskan, tentang ilmunya apakah yang telah dilakukan dengan ilmunya, tentang hartanya dari mana diperoleh dan ke mana dibelanjakan dan tentang tubuh badannya untuk apa digunakannya?

(Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Oleh itu, sangat penting bagi umat Islam mengambil berat dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan segala punca pendapatan adalah halal dan patuh syariah.

**Ketiga:** Perbankan Islam mengurus harta secara patuh syariah sekali gus menjadi sebab keberkatan atas harta kita. Perbankan Islam mengamalkan kaedah akad, seperti akad simpanan (*wadiah*), akad perkongsian (*mudarabah*), akad sumbangan (*tabarru'*), dan akad perkongsian pembelian harta (*musyarakah mutanaqisah*). Kesemua akad ini menepati hukum syarak kerana mempunyai akad yang jelas dan tidak mengandungi unsur-unsur riba, *gharar* (ketidakpastian) dan *maisir* (perjudian). Sebagai contoh, mungkin ramai yang tidak sedar, keuntungan daripada wang simpanan tanpa akad yang betul, ialah riba. Bayaran premium insurans tanpa akad yang betul mengandungi unsur ketidakpastian sekali gus mempunyai unsur perjudian.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Mimbar menyuarakan agar ummah memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Mendalami pengetahuan mengenai kewangan Islam agar sumber kewangan diuruskan secara patuh syariah dan mendapat keredhaan Ilahi.

**Kedua:** Merujuk kepada ahli yang pakar dalam bidang kewangan Islam untuk memberikan pencerahan jika timbul sebarang keraguan atau kekaburan.

**Ketiga:** Menukar akaun simpanan biasa (atau konvensional) di bank dan dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada akaun syariah, begitu juga memilih insurans berlandaskan syariat Islam atau takaful.

Marilah kita berusaha mencari kehidupan yang mendapat keredaan Ilahi. Semoga, kesungguhan kita mematuhi perintah Ilahi akan mendatangkan keberkatan ke atas harta dan keluarga kita dan kemakmuran kepada negara.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Sucikanlah sumber harta yang kami peroleh. Bimbing kami untuk mencari harta daripada sumber yang halal dan membelanjakannya mengikut landasan yang Engkau redai. Kurniai kami keberkatan dan (*qana'ah*), rasa cukup terhadap harta yang direzekikan, agar dengannya kami sentiasa mensyukuri pemberian Mu.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

# PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

LAMPIRAN 1

## FAKTA PENYAKIT PNEUMOKOKAL

Disebabkan oleh jangkitan bakteria *Streptococcus pneumoniae* atau pneumokokus

Leban benderang menjangkiti kanak-kanak

KOMPLIKASI  
PENYAKIT  
PNEUMOKOKAL

- Jangkitan / Radang Paru-Paru (Pneumonia)
- Radang Selaput Otak (Meningitis)
- Jangkitan Kuman Dalam Darah (Sepsis)
- Jangkitan Telinga Tengah (Otitis Media)
- Hilang Upaya Kekal (Pekak dan Kerosakan Otak)
- Kematian

Boleh dicegah dengan vaksin pneumokokal dan sangat efektif untuk mengurangkan komplikasi dan kematian di kalangan kanak-kanak

### PEMBERIAN IMUNISASI CATCH-UP PNEUMOKOKAL


**BILA?**  
BERMULA PADA 1 JUN 2023 SEHINGGA 31 MEI 2024

**SIAPAKAH YANG LAYAK?**  
SEMUA KANAK-KANAK YANG LAHIR PADA 1 JANUARI 2018 SEHINGGA 31 DISEMBER 2019 DAN BELUM PERNAH MENERIMA IMUNISASI PNEUMOKOKAL

### BAGAIMANA UNTUK MENDAPATKAN JANJI TEMU SUNTIKAN?



Hadir di klinik kesihatan kerajaan berhampiran alamat rumah untuk mendapatkan janji suntikan.



ATAU  
Imbas kod QR untuk membuat pendaftaran vaksinasi PCV catch up (peneruawa akan menghubungi anda untuk memberikan janji temu)